

Fazlur Rahman: Perjuangan Seorang Modernis Islam

Mohd Zuhairi Safuan

ABSTRACT

Kertas ini menjelaskan tentang Profesor Dr. Fazlur Rahman seorang pemikir Islam dari Pakistan yang gigih mempertahankan Islam dalam konteks polimik pemikiran Islam-Barat dan juga polimik pemikiran Modernis-Tradisionalis Islam di sekitar tahun 1960-an hingga 1980-an. Dipaparkan juga sumbangan beliau dalam dunia akademik.

PENGENALAN

Profesor Dr. Fazlur Rahman dilahirkan pada 21 September 1919 di Hazara, daerah Barat Laut Pakistan dari kalangan keluarga yang berpegang teguh kepada agama khususnya kepada mazhab Hanafi. Bapanya ialah Mawlana Shahab al-Din iaitu ulama lepasan Dar al-Ulum, Deoband yang menerima pendidikan dari Mawlana Rashid Ahmad Gangohi dan Syeikh al-Hind Mawlana Mahmud al-Hasan. Tradisi Deoband yang komited terhadap Islam, kebebasan dan pembaharuan diwariskan oleh Mawlana Shahab al-Din kepada anaknya, Fazlur Rahman. Fazlur Rahman menerima pendidikan asas tradisional di Dars-i-Nizami daripada ayahnya sendiri pada peringkat awal usianya. Walaupun demikian ayahnya bersikap terbuka dengan membenarkan beliau menerima pendidikan dari sistem pendidikan moden apabila keluarganya berpindah ke Lahore (Masud, 1988: 397). Dalam pendidikan tradisional khususnya dalam pengajian hadith, beliau menerima pendidikan dari ayahnya di mana urutan hadith yang dipelajari dari ayahnya itu sampai kepada Shah Waliyyullah al-Dahlawi (Wan Mohd. Nor, 1991: 5).

PENDIDIKAN

Fazlur Rahman kemudiannya meneruskan pengajian di Dars-i-Nizami di samping turut mengikuti pengajian peringkat universiti di Universiti Punjab, Lahore sehingga memperoleh Ijazah Sarjana Muda (B.A. Hons) dalam pengajian Arab pada tahun 1940 (Masud 1988: 397). Beliau kemudiannya mendapat Ijazah Sarjana (MA) kelas pertama dalam bidang kesusasteraan Arab pada tahun 1942 di Universiti yang sama. Adalah dipercayai kehebatannya di bidang kesarjanaan banyak dibantu oleh penguasaan bahasa Arabnya yang mantap. Kerana kegigihannya untuk mendapat pendidikan di peringkat yang lebih tinggi, beliau pernah menolak pelawaan Abu al-A'la al-Mawdudi yang memintanya agar tidak melanjutkan pelajaran supaya dapat aktif dalam Jamaat-i-Islami (Rahman 1982: 117). Mulai tahun 1946 beliau melanjutkan pelajaran di peringkat Doktor Falsafah (Phd.) di Universiti Oxford dengan kajian disertasi mengenai Pandangan Ibnu Sina Terhadap Psikologi (Avicenna's Psychology) (Masud 1988: 397). Sebagai memperkukuhkan teras kesarjanaannya, beliau turut mendalami bidang falsafah, psikologi, pengajian Greek dan Latin, di samping turut mempelajari bahasa Jerman dan Perancis. Berkat kegigihan ini sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada keadaan kesihatan matanya. Namun kejayaan memperoleh Doktor Falsafah (Phd.) dapat dikecapi pada tahun 1949 iaitu dalam masa tiga tahun pengajian sahaja (Masud 1988: 397). Disertasi ijazah Doktor Falsafah (Phd.) beliau dalam bidang falsafah Islam itu dibuat di bawah pengawasan Prof. Van Den Bergh (Wan Mohd. Nor 1991: 6). Disertasi ini mengangkat reputasi beliau sebagai seorang yang pakar tentang Ibnu Sina dan ia kemudiannya diterbitkan oleh Oxford University Press dengan tajuk Avicenna's Psychology (Taufik Adnan 1993: 82).

Keputusannya untuk belajar di Barat sedikit sebanyak dipersoalkan umum kerana Barat bersikap kritis dan memusuhi Islam. Apakah sudah tiada tempat pengajian untuk mempelajari Islam di negara-negara Islam sehinggakan terpaksa menimba ilmu Islam di Barat? Beliau mengambil pendirian bahawa mutu pendidikan di Barat adalah lebih baik jika dibandingkan dengan apa yang mampu ditawarkan di Indo-Pakistan dan sistem pembelajaran Islam di Barat lebih bercorak sistematik, liberal, kritis dan analitis jika dibandingkan dengan sistem pembelajaran di dunia Islam yang lebih bercorak konservatif seperti di Universiti al-Azhar (Rahman

1982: 99-100). Beliau banyak belajar dari sarjana-sarjana Barat dan bersikap kritis terhadap pandangan mereka terhadap Islam dan umatnya. Ini menjadi agak mudah kerana beliau rajin mempelajari dan banyak menguasai banyak bahasa-bahasa utama seperti Inggeris, Perancis, Jerman dan Arab.

PEKERJAAN DAN KEGIATAN INTELEKTUAL

Setelah tamat pengajian Fazlur Rahman tidak terus kembali ke Pakistan, mungkin kerana khuatir akan dipinggirkan kerana mendapat pendidikan Islam di Barat. Sebaliknya beliau memulakan kerier sebagai pensyarah Pengajian Parsi dan Falsafah Islam di Universiti Durham, England dari tahun 1950 hingga 1958 (Esposito, 1995: 408). Di sini beliau berusaha menghasilkan buku dalam bidang falsafah yang bertajuk "Prophecy in Islam: Philosophy and Orthodoxy". Beliau kemudiannya menjawat jawatan Prof. Madya dalam bidang falsafah di Institute of Islamic Studies, Universiti McGill, Kanada dari tahun 1958 hingga tahun 1961. Di sini beliau mengadakan hubungan persahabatan erat dengan Orientalis terkenal iaitu Profesor Wilfred Cantwell Smith yang juga Pengarah, Institute of Islamic Studies, Universiti McGill. Di sini jugalah beliau berkenalan dan bertukar-tukar fikiran dengan dua orang tokoh pemikir Islam masa kini iaitu Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Isma'il Ragi al-Faruqi (Wan Mohd. Nor, 1991: 6). Malah sebelum kembali ke Pakistan, di sini juga beliau sempat menyumbang artikel mengenai konsep falsafah Islam untuk Encyclopedia of Islam (Taufik Adnan, 1993: 83).

Pada awal tahun 1960an, Fazlur Rahman kembali semula ke Pakistan dan bertugas di Institute of Islamic Research sebagai Profesor Pelawat di Institut tersebut dari tahun 1961-1962. Pada bulan Ogos 1962, beliau dilantik sebagai pengarah Institute of Islamic Research oleh Presiden Jeneral Ayyub Khan di samping menganggotai Majlis Penasihat Negara Pakistan Mengenai Ideologi Islam (Advisory Council of Islamic Ideology). Majlis ini diberi tanggungjawab oleh pemerintah Pakistan ketika itu iaitu Jeneral Ayyub Khan untuk meneliti undang-undang yang sedia ada atau yang bakal digubal supaya sesuai dengan kehendak al-Qur'an dan al-Sunnah serta menafsirkan Islam secara rasional dan ilmiah untuk memenuhi keperluan masyarakat moden yang progresif (Rahman, 1976: 285). Secara tegasnya dua organisasi itu dipertanggungjawabkan untuk merencanakan Islamisasi

undang-undang atau mencadangkan Islamisasi struktur kehidupan (Rahman 1970: 286). Institute of Islamic Research ditubuhkan oleh kerajaan Pakistan pada tahun 1960 sebagai wahana untuk memenuhi keperluan penyelidikan kreatif Islam dari kalangan sumber manusia yang terbaik di Pakistan yang memiliki kombinasi ilmu pendidikan bahasa Arab, ilmu-ilmu tradisi Islam dan disiplin ilmu-ilmu moden dengan memulakan program latihan siswazah lanjutan dengan menggunakan metod penyelidikan Islam (Rahman, 1968: 7). Di Institute of Islamic Research beliau merintis jalar\ menerbitkan dua jurnal ilmiah iaitu Islamic Studies dalam bahasa Inggeris dan Fikr-u-Nazr dalam bahasa Urdu untuk mengemukakan gagasan Neo-Modenismenya. Sebenarnya di sinilah bermulanya suatu episod perjuangan intelektual reformis Islam yang penuh dengan kontroversi ini.

Fazlur Rahman menggunakan kedua-dua organisasi itu sebagai wadah mentafsirkan kembali Islam selaras dengan cabaran semasa. Pandangannya sebagai mewakili golongan Neo-Modenisme Islam sering mendapat kritikan keras dari kalangan ulama tradisional dan golongan fundamentalis di Pakistan terutamanya kerana latar belakang pendidikan Barat yang diperolehinya tentu tidak melayakkannya untuk menduduki jawatan utama badan keislaman tersebut yang mereka dakwa patut menjadi hak kalangan ulama tradisional. Malah suasana di Pakistan pada era tahun 1960an masih tebal dengan kefahaman tradisional yang tidak semuanya berlandaskan ajaran al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w. memaksa beliau berhadapan dengan golongan aktivis Islam Jamaat-i-Islami serta ulama-ulama tradisional dari Deobandi, Barelwi dan sebagainya (Wan Mohd. Nor, 1991: 6). Kontroversi memuncak apabila beliau mengemukakan pandangan tentang al-Qur'an dan Hadith, riba dan (faedah) bunga bank, zakat, halal binatang disembelih dengan mesin dan lain-lain lagi (Rahman, 1976: 286). Keadaan menjadi lebih gawat apabila dua bab pertama karya beliau bertajuk "Islam" diterjemah dan disiarkan dalam majalah "Fikr-u-Nazr" berbahasa Urdu terbitan majlis tersebut khususnya terhadap kenyataan beliau bahawa "al-Qur'an secara keseluruhannya ialah Kalam Allah dan dalam pengertian biasa adalah perkataan Muhammad" (Rahman, 1979: 31). Media massa membuat liputan menyeluruh hingga berlaku demonstrasi di bandar-bandar di Pakistan sebagai memprotes pandangan beliau (Rahman, 1976: 299-301).

Untuk mengendurkan suasana kontroversi yang meletus, beliau mengambil keputusan untuk berundur daripada menganggotai Majlis Penasihat Negara Pakistan Mengenai Ideologi Islam (Advisory Council of Islamic Ideology) pada September 1968 (Rahman, 1982: 125) kerana kurang bersetuju dengan tindak-tanduk majlis itu yang kadangkala bersikap konservatif dan kadangkala pula bersikap reaksioner. Bahkan menjadi alat untuk mengekalkan kuasa politik Jeneral Ayyub Khan apabila kemarahan orang ramai terhadap Ayyub Khan ditujukan kepada Fazlur Rahman. Untuk menjauhkan diri dari segala polimik dan kemelut itu, beliau mengambil keputusan berhijrah ke Amerika Syarikat. Di sana beliau kemudiannya menjadi Profesor Pelawat di University California, Los Angeles pada musim bunga (spring) tahun 1969 (Esposito, 1995: 408) sebelum menetap di Chicago pada tahun 1970 dengan bertugas sebagai Profesor Pengajian Islam di Department of Near Eastern Languages and Civilization, Universiti Chicago. Keputusan beliau berhijrah ke Chicago amat memeranjatkan umum kerana Chicago merupakan salah satu pusat kegiatan Orientalisme yang aktif. Begitupun beliau berpendirian bahawa dunia Barat memberi kebebasan intelektual yang tidak terdapat di dunia Islam. Menurut beliau lagi negara Islam "belum matang" secara intelektual. menetap di Chicago, beliau berupaya mengeluarkan pemikiran-pemikirannya melalui syarahan, penyelidikan, seminar dan penulisan secara bebas dan menggiatkan usaha memperkenalkan aliran Modenisme terkini iaitu "Neo-Modenisme Islam". Neo-Modenisme menurut beliau ialah suatu usaha merealisasikan ajaran Islam bersumberkan al-Qur'an dan contoh serta pengajaran sahih Nabi Muhammad s.a.w. untuk zaman moden dengan pembinaan kembali pemikiran Islam yang berpandukan sumber tadi tetapi tanpa dikongkong oleh tradisi pemikiran Islam yang berlaku dalam sejarah (Historical Islam) (Rahman, 1970:282).

Beliau juga sering dijemput memberi syarahan di institusi pengajian tinggi di Barat. Contohnya pada tahun 1981 beliau diminta memberi syarahan tentang sikap Islam terhadap agama Yahudi (Islam's Attitude Towards Judaism) oleh Pusat Kajian Yahudi, Universiti Connecticut, Storrs. Keberanian kepada kebenaran ilmiahnya menyebabkan beliau tanpa segan silu mengkritik Israel dan bangsa Yahudi sebagai penjajah dan Amerika Syarikat sebagai pembela Yahudi (Rahman, 1982: 11-13). Ini menunjukkan sikap beliau yang tidak tunduk kepada kehendak Barat tetapi sebaliknya bersikap kritis demi menegakkan kebenaran.

Beliau begitu gigih menekankan perlunya dilakukan pembaharuan menyeluruh ke dalam struktur kehidupan sosial masyarakat Islam khususnya menyentuh status wanita dalam Islam dan beberapa persoalan yang berkaitan dengannya seperti pendidikan, pekerjaan dan perkahwinan, supaya dengan kuantiti yang ada, wanita dapat menyumbang sama terhadap kemajuan Islam (Rahman, 1980: 451). Dalam soal pendidikan, beliau menyarankan supaya usaha sungguh-sungguh dilakukan untuk mengintegrasikan sistem pendidikan moden dan sistem tradisional madrasah (Rahman, 1967: 323) sebagai suatu cara untuk memajukan masyarakat Islam. Dalam hal ini beliau banyak bertentangan pendapat dengan kalangan tradisional yang tidak mahukan perubahan.

Kebangkitan Islam menurut Fazlur Rahman tersebar luas di dunia Islam sebagai reaksi kuat terhadap kelemahan ulama tradisional dan kegagalan negara Islam dalam menghadapi cabaran pengaruh Barat. Pengamatan beliau tentang fenomena ini sangat menarik kerana meskipun gerakan Kebangkitan Islam ini membawa aspirasi moral dan politik, namun misi dan wawasan Islamnya yang substantif (tersendiri) telah melahirkan interpretasi yang sempit dan tindakan radikal yang memungkinkan munculnya reaksi yang sama radikal dalam bentuk Neo-Sekularisme (Wan Mohd. Nor, 1991: 109).

Sikap serius Fazlur Rahman terhadap kerja-kerja ilmiah dapat dilihat dari tingkahlakunya yang banyak menghabiskan waktu di perpustakaan di bahagian bawah rumahnya dan hanya akan naik ke atas untuk beberapa keperluan yang sangat penting sahaja (Wan Mohd. Nor, 1991: 108). Menurut Ali Raza Naqvi, beliau amat gemar membaca dan dapat membaca dengan cepat serta mempunyai ingatan yang kuat. Cuma penglihatannya agak kurang baik kerana memerlukan dua lapis cermin mata (cermin mata tebal) untuk membaca (Naqvi, 1988: 398). Penghijrahannya ke Chicago menjadikannya cukup aktif menulis buku-buku kelslaman dan karya-karya kelslamannya banyak disiarkan dalam jurnal-jurnal antarabangsa dan diterjemahkan dalam berbagai bahasa. Di Chicago beliau menyiapkan karya bertajuk *The Philosophy of Mulla Shadra, Major Themes of the Qur'an, Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition* dan buku terakhirnya ialah *Health and Medicine in the Islamic Tradition*. Malah beliau adalah di antara perintis penubuhan International Institute of Islamic Thought (HIT) di Washington, Amerika Syarikat serta banyak memberi sumbangan dalam

kemajuan institut tersebut dan kepada perkembangan *The American Journal of Islamic Social Sciences* (Ahmad, 1988: 2). Pada tahun 1985 beliau telah mengadakan lawatan akademik selama dua bulan ke Indonesia atas jemputan kerajaan Indonesia untuk melihat sendiri keadaan Islam di sana (Wan Mohd. Nor, 1991: 109) dan turut bersama Prof. Serif Mardin dari 1 stanbul membantu memberi khidmat nasihat terhadap kurikulum dan sistem pengajaran yang dilaksanakan di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) (Rahman, 1986: 24).

Berkat kegigihannya dalam dunia intelektualisme, Fazlur Rahman telah dianugerahkan *Levi Delia Vida Award In Islamic Studies* pada tahun 1983. Anugerah ini merupakan pengiktirafan tertinggi dalam bidang pemikiran Islam di Amerika Syarikat iaitu sebagai suatu penghormatan kepada penerimanya untuk menentukan tajuk pembentangan dalam sebarang persidangan antarabangsa mengenai Islam (Wan Mohd. Nor, 1991: 7). Pada April 1988, suatu seminar bertajuk "Muslims of America" yang diadakan di Universiti Massachusetts di Amherst telah mengiktiraf segala sumbangan intelektual beliau. Malah orang Islam di Amerika melihat beliau sebagai tempat rujukan intelektual dan inspirasi perjuangan mereka (Masud, 1988: 397).

Fazlur Rahman banyak mengambil inspirasi dari pemikiran Shah Waliyyullah al-Dahlawi dan Muhammad Iqbal. Beliau gemar menggunakan metodologi yang kontroversi dengan kejutan elektrik (electric shock) kerana berpendapat umat Islam telah lama tidur nyenyak dan enak bermimpi (Wan Mohd. Nor 1991: 7). Beliau digolongkan sebagai ilmuan kontroversi kerana tidak gemar menggunakan "double truth methodology" iaitu metodologi untuk orang awam dan satu lagi metodologi khusus untuk orang elit, yang sering digunakan oleh ramai ilmuan sehingga beliau dikritik sebagai "tidak bijaksana" (Wan Mohd. Nor 1991: 109). Kebanyakan muslim tradisional tidak memahami pandangan serta latar belakang ilmiahnya secara mendalam sehingga menimbulkan berbagai fitnah seperti menuduh beliau sebagai tidak mengimani al-Qur'an sebagai wahyu Allah dan tidak berpegang kepada Sunnah dan Hadith Rasulullah s.a.w. (Wan Mohd. Nor, 1991: 109).

Setelah hampir 18 tahun menyumbangkan idea pembaharuan Islam, tokoh ini akhirnya kembali ke rahmatullah dalam usia 69 tahun pada 26 Julai 1988 di Chicago, Amerika Syarikat setelah melakukan pembedahan jantung yang agak sukar (Ahmad, 1988: 1). Kematianannya merupakan suatu

kehilangan besar terhadap umat Islam, Islam dan dunia intelektualisme amnya. Seyyed Hossein Nasr menyifatkan Fazlur Rahman sebagai tokoh pentafsir Islam moden yang cuba mendekatkan tradisi intelektual Islam kepada tafsiran moden. Tambah beliau, dunia intelektual kehilangan seorang tokoh pentafsir Islam yang berminat membangkitkan isu dalam konteks konfrantasi Islam dan dunia moden (Nasr, 1988: 400). Menurut John. L. Esposito, sungguh pun Fazlur Rahman dikritik hebat oleh kalangan fundamental berikutan dari interpretasinya yang agak liberal terhadap al-Qur'an, Sunnah dan perundangan Islam klasik, namun beliau turut dikagumi oleh kalangan reformis Islam seperti oleh Abd Allah al-Naim dari Sudan (Esposito, 1995: 408). Seorang anak murid beliau dari Malaysia iaitu Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud menyifatkan kematian beliau sebagai suatu kerugian besar kepada umat Islam dan dunia keilmuan kerana walaupun kebanyakan idea dan pemikirannya penuh dengan kontroversi namun ia lahir dari komitmennya terhadap pemahaman al-Qur'an dan Sunnah yang sahih secara keseluruhan dan kesepaduan, serta apresiasi dan kritisnya terhadap khazanah intelektual Islam (Wan Mohd. Nor, 1991: 111).

Pengaruh pemikiran beliau amat besar dan meluas kerana ia meliputi pelajar dan intelektual muda Islam yang sedang belajar di Barat serta rakan-rakan dari kalangan orang Barat dalam bidang pengajian Islam (Ahmad, 1988: 1). Beliau banyak memberi sumbangan kepada pembaharuan di dunia Islam dalam berbagai disiplin ilmu pengetahuan seperti al-Qur'an, al-Sunnah, Ijma-Ijtihad, falsafah, sufisme, politik, kebangkitan Islam, ekonomi, pendidikan dan lain-lain lagi. Antara kalangan anak muridnya dari kawasan Asia Tenggara ialah seperti Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud (ISTAC, UIA Malaysia) dari Malaysia dan Dr. M. Amien Rais, Dr. Nurcholish Madjid serta Dr. Ahmad Syafii Maarif dari Indonesia. Banyak idea-idea beliau sedang dipraktikkan oleh negara-negara Islam hari ini sesuai dengan perubahan zaman yang serba pantas.

PENGKARYAAN

Profesor Dr. Fazlur Rahman merupakan pemikir dan penyelidik yang produktif, realistik serta analitik. Banyak masanya dihabiskan dengan membaca, menulis dan memberi syarahan dalam pelbagai perkara mengenai institusi Islam. Beliau percaya bahawa kebangkitan intelektual adalah pra

syarat kepada kebangkitan Islam dan Neo-Modenisme Islam. Dalam usaha menafsirkan idea Neo-Modenisme Islam, beliau gigih menulis mengenai pelbagai aspek institusi-institusi Islam sama ada dalam bentuk buku mahu pun dalam bentuk artikel di jurnal-jurnal terkemuka. Banyak karyanya diterjemahkan ke beberapa bahasa selain dari bahasa Inggeris seperti bahasa Turki, Serb-Croat dan bahasa Melayu-Indonesia. Karya-karyanya ini bukan setakat menyerlahkan keunggulan intelektualisme dan kritisisme beliau tetapi juga menunjukkan sikap futuristik yang menunjuk jalan kepada survival masa depan umat Islam dengan berpandukan ajaran murni al-Qur'an dan al-Sunnah.

Buku Utama

Prophecy in Islam: Philosophy and Orthodoxy, (London: George Allen & Unwin, 1958).

Islamic Methodology In History, (Karachi: Central Institute of Islamic Research, 1965).

Islam, (London: Weidenfeld and Nicolson, 1966).

The Philosophy of Mulla Shadra, (Albany: State University of New York Press, 1975).

Major Themes of the Qur'an, (Minneapolis, Chicago: Bibliotheca Islamica, 1980).

Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition, (Chicago & London: University of Chicago Press, 1982).

Health and Medicine in Islamic Tradition, (Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co., 1993).

Artikel Utama (Dalam Buku dan Jurnal)

"L'Intellectus Acquistus in Alfarabi", dalam *Giornale Critic del la Filosofia Italiana*, Siri ke 3, 7 (1953): 351-357.

- "Summary of an introductory address on Modern Thought in Islam", dalam *Colloquium on Islamic Culture in its Relation to the Contemporary World*, September 1953, 91-92, Princeton: Princeton University Press.
- "Modern Muslim Thought", dalam *The Muslim World*, Jilid 45, (1955): 16-25.
- "Internal Religious Developments in the Present Century Islam", dalam *Journal of World History*, Jilid 2, (1954-55): 862-879.
- "The Thinker of Crisis - Shah Waliy Ullah", dalam *Pakistan Quaterly*, Jilid 6, No. 2, (1956): 44-48.
- "Essence and Existence in Avicenna", dalam *Medieval and Renaissance Studies 4* (1958): 1-16.
- "Muslim Modernism in the Indo-Pakistan Sub-Continent", dalam *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, Jilid 21, (1958): 82-99.
- "Challenge of Modern Ideas and Social Values to Muslim Society", dalam *International Islamic Colloquium*, University of Punjab, 1957-1958, Kertas Kerja, 94-96, Lahore: Punjab University Press, 1960.
- "Concept of Sunnah, Ijtihad and Ijma' in the Early Period", dalam *Islamic Studies*, Jilid 1, No. 1, (1962): 5-21.
- "Sunnah and Hadith" dalam *Islamic Studies*, Jilid 1, No. 2, (1962): 1-36.
- "The Post-Formative Developments in Islam", Bahagian I dan II dalam *Islamic Studies*, Jilid 1, No. 4, (1962): 1-23., (1963): 297-316.
- "Iqbal's Idea of the Muslim", dalam *Islamic Studies*, Jilid 2, No. 4, (1963): 439-445.
- "Social Change and the Early Sunnah", dalam *Islamic Studies*, Jilid 2, No.2, (1963): 159-203.
- "Riba and Interest", dalam *Islamic Studies*, Jilid 3, No.1, (Mac, 1964): 1-42.

- "Internal Religious Development in Islam", dalam *Religion and the Promise of the Twentieth Century*, pnyt., Guy S. Metraux dan Francois Crouzet, New York & Toronto: Mentor Book, (1965): 183-205.
- "Dream, Imagination and⁴ Alam al-Mithal", dalam *Islamic Studies*, Jilid 3, No. 2, (Jun 1964): 167-180. Diulang cetak dalam *The Dream and Human Societies*, C. E. Von Grunebaum dan R. Caillois (pnyt.), 409-419. Berkeley: University of California Press, University of California di Los Angeles Near Eastern Center, 1966.
- "The Concept of Hadd in Islamic Law", dalam *Islamic Studies*, Jilid 4, No. 3, (1965): 237-251.
- "Avicenna and Orthodox Islam: An Interpretive Note on the Composition of his System", dalam *Harry Austryn Wolfson, Jubilee Volume on the Occasion of his Seventy-Fifth Birthday*, 2 Jilid, 2: 667-676. Jerusalem: American Academy for Jewish Research, 1965.
- "The Controversy Over the Muslim Family Laws", dalam *South Asian Politics and Religion*, pnyt., Donald Eugene Smith, Princeton, New Jersey: Princeton University Press, 1966, 414-427.
- "The Impact of Modernity on Islam", dalam *Islamic Studies*, Jilid 5, No. 2, (Jun, 1966): 113-128.
- "The Status of Individual in Islam", dalam *Islamic Studies*, Jilid 5, No. 4, (1966): 319-330.
- "The Qur'anic Concept of God, the Universel and Man", dalam *Islamic Studies*, Jilid 6, No. 1,(1967): 1-19.
- "Islamic Philosophy", dalam *The Encyclopedia of Philosophy*, Jilid 3 & 4, (1967): 219-224.
- "Some Reflection on the Reconstruction of Muslim Society in Pakistan", dalam *Islamic Studies*, Jilid 6, No. 2, (1967): 103-120.

- "The Qur'anic Solution of Pakistan Educational Problems", dalam *Islamic Studies*, Jilid 6, No. 4., (Disember, 1967): 317-326.
- "Implementation of the Islamic Concept of State in Pakistani Milieu", dalam *Islamic Studies*, Jilid 6, No. 3., (1967): 205-224.
- "Islamic Philosophy" dalam *Encyclopedia of Philosophy*, pnyt., Paul Edwards, New York: The MacMillan Company and The Free Press, 1967.
- "Currents of Religious Thought in Pakistan", dalam *Islamic Studies*, Jilid 7, No. 1,6 (Mac, 1968), 1-7.
- "Economic Principles of Islam", dalam *Islamic Studies*, Jilid 8, No. 1, (Mac, 1969): 1-8.
- "Islam and the Constitutional Problem of Pakistan", dalam *Studia Islamica*, Jilid 32, (1970): 275-287.
- "Revival and Reform in Islam", dalam *The Cambridge History of Islam*, Jilid 2B, pnyt., P.M. Holt, et. al., London: Cambridge University Press, 1970,632-656.
- "Islamic Modernism: Its Scope, Method and Alternatives", dalam *International Journal of Middle East Studies*, Jilid 1, No. 4, (1970): 317-333.
- "The Ideological Experience of Pakistan", dalam *Islam and the Modern Age*, Jilid 2, No. 4, (1971): 1-20.
- "Mulla Sadra's Theory of Knowledge", dalam *Philosophical Forum*, Jilid 4 (1972): 141-152.
- "Functional Interdependence of Law and Theology", dalam *Theology and Law in Islam*, pnyt., G. E. Von Grunbaum, Wiesbaden: Otto Harrassowitz, 1971,89-97.
- "Islamic Thought in the India-Pakistan Subcontinent and the Middle East", dalam *Journal of Near Eastern Studies*, Jilid 32, (1973): 194-200.

- "Islam", dalam *The New Encyclopedia Britannica*, Jilid 9, (1974): 911-926.
- "The Legacy of Muhammad", "Sources of Islamic Doctrine and Social Views", "Doctrines of the Qur'an", "Fundamental Practices and Institutions of Islam", "Theology and Secteriansm" dan "Religion and the Arts", dalam *Encyclopedia Britannica*, Fifteenth Edition, pnyt., Philips W. Goetz, Chicago: Encyclopedia Britannica, Inc., 1974.
- "The Eternity of the World and the Heavenly Bodies" dan "The God-World Relationship in Mulla Sadra", dalam *Essays on Islamic Philosophy and Science*, pnyt., George F. Hourani, Albany: State University of New York Press, 1975, 222-253.
- "Pre-foundations of the Muslim Community in Mecca", dalam *Studia Islamica*, Jilid 43, (1976): 5-24.
- "Some Islamic Issues in the Ayyub Khan Era", dalam *Essays on Islamic Civilization: Presented to Niyazi Berkes*, penyt., Donald P. Little. Leiden: E.J. Brill, (1976): 283-302.
- "The Religious Situation of Mecca from the Eve of Islam up to the Hijra\" dalam *Islamic Studies*, Jilid 16, No. 4, (1977): 289-301.
- "Divine Revelation and the Prophet", dalam *Hamdard Islamicus*, Jilid 1, No. 2, (Autumn, 1978): 66-72.
- "Sources of Dynamism in Islam", dalam *Al-Ittihad*, Jilid 15, No.1, (Januari 1978): 53-64.
- "A Muslim Response to Christian Particularity and faith of Islam", dalam *Christian faith in a Religiously Plural World*, Donald G. Dawe dan John B. Carman (pnyt.), 69-79. Maryknoll, N.Y. Orbis Books, 1978.
- "Evolution of Soviet Policy Toward Muslims in Russia: 1917-1965", dalam *Journal Institute of Muslim Minority Affairs*, Jilid 1, No. 2, (1979) dan Jilid 2, No.1, (1980): 28-46.

- "Iqbal, the Visionary; Jinnah, the Technician; and Pakistan, the Reality", dalam *Iqbal, Jinnah and Pakistan: The Vision and Reality*, CM. Nairn (pnyt.), 1-9, Syracuse, N.Y.: Syracuse University, Maxwell School of Citizenship and Public Affairs, 1979.
- "Islam: Challenges and Opportunities", dalam *Islam: Past Influence and Present Challenge*, pnyt., A.T. Welch dan P. Chacia, Edinburgh: Edinburgh University Press, (1979): 315-330.
- "Towards a Reformulation of the Theory of Islamic Law: Sheikh Yamani on Public Interest", dalam *New York University Journal of International Law and Politics*, Jilid 12, No. 2 (Fall 1979): 219-224.
- 'islam: Legacy and Contemporary Challenge", dalam *Islamic Studies*, Jilid. XIX, No. 4 (Winter, 1980): 235-246.
- "Islamic Studies and the Future of Islam", dalam *Islamic Studies: A Tradition and its Problems, Seventh Giorgio Delia Vida Conference*, 1979, Malcolm H. Kerr (pnyt.), 125-133. Malibu, California: Undena Publications, 1980.
- "Mir Damad's Concept of Huduth Dahri: A Contribution to a Study of the God-World Relationship Theories in Safavid Iran", dalam *Journal of Near Eastern Studies*, Jilid 39 (1980): 139-151.
- "Essence and Existence in Ibn Sina: The Myth and Reality", dalam *Hamdard Islamicus*, Jilid 4, No. 1 (Spring 1981): 3-14.
- "A Survey of Modernization of Muslim Family Law", dalam *International Journal of Middle Eastern Studies*, Jilid 11, (1980): 451-465.
- "Roots of Islamic Neo-Fundamentalism", dalam *Change and the Muslim World*, Philip H. Stoddard, David C. Cuthell dan Margaret W. Sullivan, pnyt., et. al., New York: Syracuse University Press, (1981): 23-35.
- "A Recent Controversy Over The Interpretation of Shura", dalam *History of Religions*, Jilid 20, No. 4, (Mei, 1981): 291-301.

- "Islam's Attitude Towards Judaism", dalam *The Muslim World*, Jilid 72, (Januari, 1982): 1-13.
- "Islam and Health: Some Theological, Historical and Sociological Perspectives"", dalam *Hamdard Islamic us*, Jilid 5, No. 5, (1982): 75-88.
- "The Status of Women in Islam: A Modernist Interpretation", dalam *Separate Worlds: Studies of Purdah in South Asia*, pnyt., Hanna Papanekdan Gail Minault, Chanakya Publications, Delhi, (1982): 285-310.
- "The Concept of Islamic State", dalam *Islam in Transition: Muslim Perspectives*, pnyt., John J. Donohue dan John L. Esposito, New York & Oxford: Oxford University Press, 1982: 261-271.
- "Some Key Ethical Concepts of the Qur'an", dalam *The Journal of Religious Ethics*, Jilid 11, No. 2, (1983): 170-185.
- "Status of Women in the Qur'an", dalam *Women and Revolution in Iran*, pnyt., Guity Nashat, Boulder, Colorado: Westview Press, 1983, 37-54.
- "Muhammad Iqbal and the Atartuk's Reform", dalam *Journal of Near Eastern Studies*, Jilid 43, (April, 1984): 157-162.
- "Some Recent Books on the Qur'an by Western Authors", dalam *Journal of Religion*, Jilid 64, No. 1, (1984): 73-95.
- "The Message and the Messenger", dalam *Islam: The Religious and Political Life of World Community*, pnyt., Marjorie Kelly, Preager Special Studies, New York, 1984:29-54.
- "Islam in Pakistan", dalam *Journal of South Asian and the Middle Eastern Studies*, Jilid 3, No. 4, (1985): 34-61.
- "Approaches to Islam in Religious Studies: Review Essay", dalam *Approaches to Islam in Religious Studies*, pnyt., Richard C. Martin, The University of Arizona Press, Tucson, 1985: 189-202.

- "Law and Ethics in Islam", dalam *Ethics in Islam: Ninth Giorgio Levi Della Vida Conference*, 1983, in Honour of Fazlur Rahman, R Hovannisian (pnyt.), 3-15. Malibu, California: Undena Publications, 1985.
- "Islam: A Year of Steady Development", dalam *Arabia*, Jilid 5, No. 53, (Januari, 1986): 24.
- "Non-Muslim Minorities in an Islamic state", dalam *Journal Institute of Muslim Minority Affairs*, Jilid 7, No. 2, (Januari, 1986): 13-24.
- "Interpreting the Qur'an", dalam *Inquiry*, (Mei 1986): 45-49
- "Islam: An Overview", dalam *The Encyclopedia of Religion*, Jilid 7, (1987): 303-322.
- "Islam", "Iqbal, Muhammad" dan "Mulla Sadra", dalam *Encyclopedia of Religion*, pnyt., Mircea Eliade, New York: MacMillan Publishing Company, 1987.
- "Islamization of Knowledge" in Special Issue, "In Memoriam Fazlur Rahman" dalam *The American Journal of American Social Sciences*, Jilid 5, (1988): 3-11.
- "Translating the Qur'an", dalam *Religion and Literature*, Jilid 20 (1988): 23-30.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim.

Ahmad, Mumtaz (1988). In Memoriam: Fazlur Rahman. *The American Journal of Islamic Social Sciences*. 5(1): 1-2.

Esposito, John L. (pnyt.) (1995). *The Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World*. Jilid 3. New York & Oxford: Oxford University Press.

Masud, Muhammad Khalid (1988). Obituary notes: Fazlur Rahman. *Islamic Studies*. 27(4): 397-398.

- Naqvi, Ali Raza (1988). Obituary notes: Fazlur Rahman. *Islamic Studies*. 27(4): 398-399.
- Nasr, Seyyed Hossein (1988). Condolence message: Fazlur Rahman. *Islamic Studies*. 27(4): 400.
- Rahman, Fazlur (1964). Riba and interest. *Islamic Studies*. 3(1): 1-43.
- Rahman, Fazlur (1965). *Islamic Methodology in History*. Karachi: Central Institute of Islamic Research.
- Rahman, Fazlur (1966). The controversy over the muslim family laws. Dim. Donald Eugene Smith (pnyt.). *South Asian Politics and Religion*. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.
- Rahman, Fazlur (1966). The impact of modernity on Islam. *Islamic Studies*. 5(2): 113-128.
- Rahman, Fazlur (1966). *Islam*. London: Weidenfeld and Nicolson.
- Rahman, Fazlur (1967). The Qur'anic solution of Pakistan's educational problems. *Islamic Studies*. 6(4): 315-326.
- Rahman, Fazlur (1968). Currents of religious thought in Pakistan. *Islamic Studies*. 7(1): 1-7.
- Rahman, Fazlur (1969). Economics principles of Islam. *Islamic Studies*. 8(1): 1-8.
- Rahman, Fazlur (1970). Islam and constitutional problem of Pakistan. *Studia Islamica*. 32: 275-287.
- Rahman, Fazlur (1970). Islamic modernism: its scope, method and alternatives. *International Journal of Middle East Studies*. 1:317-333.
- Rahman, Fazlur (1970). Revival and reform in Islam. Dim. P.M. Holt (pnyt.). *The Cambridge history of Islam*. Jilid 2B. London: Cambridge University Press.

- Rahman, Fazlur (1971). The ideological experience of Pakistan. *Islam and the Modern Age*. 11(4): 1-19.
- Rahman, Fazlur (1973). Islam. *The New Encyclopedia of Britannica*. Jilid 9. London: Encyclopedia Britannica Inc.
- Rahman, Fazlur (1976). Some Islamic issues in the Ayyub Khan era. Dim. Donald P. Little (pnyt.). *Essays on Islamic civilization: Presented to Niyazi Berkes*. Leiden: E.J. Brill.
- Rahman, Fazlur (1978). Devine revelation and the prophet. *Hamdard Islamicus*. 1(2): 66-72.
- Rahman, Fazlur (1979). Islam: challenge and opportunities. Dim. Alford T. Welch dan Pierre Cachia (pnyt.). *Islam: past influence and present challenge*. London: Edinburgh University Press.
- Rahman, Fazlur (1979). *Islam*. Edisi Kedua. Chicago: Chicago University Press.
- Rahman, Fazlur (1980). Islam: legacy and contemporary challenge. *Islamic Studies*. 19(4): 235-246.
- Rahman, Fazlur (1980). *Major themes of the Qur'an*. Minneapolis, Chicago: Bibliotheca Islamica.
- Rahman, Fazlur (1980). A survey of modernization of muslim family law. *International Journal of Middle East Studies*. 11: 451-465.
- Rahman, Fazlur (1981). Roots of Islamic neo-fundamentalism. Dim. Philip H. Stoddard, David C. Cuthell dan Margaret W. Sullivan (pnyt.). *Change and the Muslim World*. New York: Syracuse University Press.
- Rahman, Fazlur (1982). Islam's attitude toward Judaism. *Muslim World*. 82(1): 1-13.
- Rahman, Fazlur (1982). The concept of Islamic State. Dim. John J. Donohue dan John L. Esposito (pnyt.). *Islam in Transition: Muslim Perspectives*. New York & Oxford: Oxford University Press.

- Rahman, Fazlur (1982). *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition*. Chicago & London: University of Chicago Press.
- Rahman, Fazlur (1982). The status of women in Islam: a modernist interpretation. Dim. Hanna Papanek dan Gail Minault (pnyt.). *Separate Worlds: Studies of Purdah in South Asia*. Delhi: Chanakya Publications.
- Rahman, Fazlur (1983). Status of women in the Qur'an. Dim. Guity Nashat (pnyt.). *Women and Revolution in Iran*. Boulder, Colorado: Westview Press.
- Rahman, Fazlur (1984). The message and the messenger. Dim. Marjorie Kelly (pnyt.). *Islam: The Religious and Political Life of a World Community*. New York: Preager Special Studies.
- Rahman, Fazlur (1984). Muhammad Iqbal and Attartuk's reform. *Journal of Near Eastern Studies*. 43(2): 157-162.
- Rahman, Fazlur (1986). *Islam: A Year of Steady Development*. Arabia. 5: 24.
- Rahman, Fazlur (1986). Non-muslim minorities in an Islamic state. *Journal Institute of Muslim Minority Affairs*. 7(2): 13-24.
- Rahman, Fazlur (1986). Interpreting the Qur'an. *Inquiry*. Mei: 45-49.
- Rahman, Fazlur (1987). Beberapa konsep kunci tentang etika al-Qur'an. Dim. Taufik Adnan Amal (pnyt.) dan (terj.). *Metode dan Alternatif NeoModernisme Islam*. Bandung: Mizan.
- Rahman, Fazlur (1987). Islam: an overview. *The Encyclopedia of Religion*. Jilid 7. New York: Macmillan Publishing Company.
- Rahman, Fazlur (1988). Islamization of knowledge: a response. *The American Journal of Islamic Social Sciences*. 5(1): 3-11.
- Rahman, Fazlur (1991). *Islam dan Masalah Keadilan Ekonomi*. Dim. Saiful Azhar Rosly (terj.). Kuala Lumpur: Penerbit A.S. Noordeen.

- Rahman, Fazlur (1993). *Health and Medicane in Islamic Tradition*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.
- Rahman, Fazlur (1995). Sumber dinamisme dalam Islam. Dim. Syed Putra Syed Ahmad et. al. (terj.). *Ensiklopedia Sirah*. Jilid 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* (1996). Terj. Syeikh Abdullah Bin Muhammad Basameih. Cet. ke-13. Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri.
- Taufik Adnan Amal (1993). *Islam dan Tentangan Modernitas: Studi Atas Pemikiran Hukum Fazlur Rahman*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991). "Perihal Pengarang". Dim. Saiful Azhar Rosly (terj.), *Islam dan Masalah Keadilan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Penerbit A.S. Noordeen.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991). Fazlur Rahman: kesan seorang murid dan teman. *Jurnal Ulumul Qur'an* 2: 106-111.
- MOHD ZUHAIRISAFUAN, Centre for Islamic Thought and Understanding (CITU), Universiti Teknologi MARA, 18500 Machang, Kelantan.